

# ZELLOX-II DOUBLE STRENGTH LIQUID ANTACID

Aluminium Hydroxide (8% w/v), Magnesium Hydroxide (8% w/v), Simethicone (0.6% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan ZELLOX-II?
2. Bagaimana ZELLOX-II berfungsi?
3. Sebelum mengambil ZELLOX-II
4. Cara menggunakan ZELLOX-II
5. Semasa menggunakan ZELLOX-II
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZELLOX-II
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang ZELLOX-II. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ZELLOX-II berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

**Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubat.** Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan ZELLOX-II?

ZELLOX-II digunakan untuk melegakan keasidan gastrik, ketakcernaan, pedih hulu hati, kembung dan dispepsia.

## Bagaimana ZELLOX-II berfungsi?

ZELLOX-II mengandungi bahan aktif *Aluminium Hydroxide*, *Magnesium Hydroxide* dan *Simethicone*.

*Aluminium Hydroxide* dan *Magnesium Hydroxide* bertindak meneutralkan asid dalam gastrik.

*Simethicone* adalah bahan lapis air yang membantu melegakan ketidakselesaan dalam perut.

## Sebelum menggunakan ZELLOX-II

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ZELLOX-II sekiranya anda pesakit buah pinggang disebabkan tahap pengumpulan yang kecil ion magnesium yang diserap.

### Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai:

- masalah buah pinggang

Goncang sebelum digunakan.

### **Kehamilan dan penyusuan:**

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ZELLOX-II jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusu bayi.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Jika anda produk-produk lain yang mengandungi tetracycline, pengambilan ZELLOX-II perlu dijarakkan selama 1-2 jam, kerana penggunaan bersama persediaan anti-asid boleh mengubah profil penyerapan pelbagai jenis ubat.

## Cara menggunakan ZELLOX-II

### Berapa banyak harus digunakan

5 – 10ml seperti yang diperlukan, atau sejam selepas makan sebelum tidur, atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

### Bila perlu digunakan

ZELLOX-II harus diambil selepas makan dan sebelum tidur.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya. Jangan menggandakan dos untuk menganti dos yang tertinggal.

### Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Simptom hiperkalsemia atau hypermagnesaemia termasuk tiada selera makan, loya, muntah, sembelit, cirit-birit, sakit perut, lemah otot, gemuruh dan kegelisahan. Mengurangkan dos atau menghentikan rawatan akan menyebabkan gejala-gejala ini hilang.

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian

Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ZELLOX-II.

### **Semasa menggunakan ZELLOX-II**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ZELLOX-II.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ZELLOX-II untuk merawat aduan lain melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

**Aluminium Hydroxide** boleh bertindak balas dengan fosfat dan boleh menyebabkan kekurangan fosforus di dalam pesakit yang diet rendah dalam fosforus. Ini boleh diatasi dengan pengambilan susu atau supplemen fosforus.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, ZELLOX-II boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku ialah perubahan dalam fungsi usus dan cirit-birit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan ZELLOX-II**

#### Penyimpanan

**Tutup dengan rapat dan betul.  
Simpan di bawah suhu 30°C.  
Lindungi daripada cahaya terik.  
Jauhi daripada kanak-kanak.**

#### Pelupusan

**Lupuskan baki ubat selepas 10 hari.**

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna ZELLOX-II

ZELLOX-II adalah cecair likat yang berwarna putih dengan campuran perisa pudina dan ais krim soda, boleh didapati dalam 100ml botol plastik.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
Setiap 10ml mengandungi:  
- 800mg *Aluminium Hydroxide*  
- 800mg *Magnesium Hydroxide*  
- 60mg *Simethicone*.

Bahan-bahan tidak aktif:  
*Xylitol, Glycerin, Xanthan Gum, Hydroxyethylcellulose, Potassium Citrate, Ice Cream Soda Flavor, Peppermint Oil, Sucralose & Purified Water.*

**Nombor MAL: MAL11045011X**

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

#### Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

#### Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

06/03/2017

### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)060317/00009